## Lengkapkan Sinopsis Cerpen ”Hadiah” Dengan Jawapan Yang Betul.

| | | | |
|---|---|---|---|
| **Murid** | Guru kesayangan | Hari Guru | menganyam |
| Azizah | | tudung saji | Cikgu Zaleha |
| duit | keluarga | Pertandingan Kraftangan Peringkat Daerah | |

Mengisahkan sekumpulan ...................yang sedang bercakap-cakap mengenai hadiah yang akan diberikan kepada ..................................mereka sewaktu sambutan .................. yang akan tiba tidak lama lagi. Setiap murid masing-masing menceritakan mengenai kehebatan hadiah yang akan diberikan. ........................seorang pelajar yang miskin tidak mampu untuk membelikan hadiah kepada guru kesayangannya,. ........................... Azizah berasa risau dan sedih kerana dia tidak mampu untuk membeli hadiah untuk gurunya.

Azizah cuba meminta ....................daripada emaknya namun hampa kerana emaknya menyatakan bahawa dia tidak mempunyai duit untuk diberikan kepada Azizah. Sekali lagi Azizah cuba meminta duit tetapi kali ini dia cuba meminta duit daripada bapanya pula. Namun, Azizah sekali lagi terpaksa menerima hakikat bahawa ..........................tidak mampu untuk memberikan duit kepadanya.

Akhirnya, Azizah berasa lega kerana emaknya telah mencadangkan agar Azizah membuat ..........................untuk dijadikan sebagai hadiah kepada Cikgu Zaleha. Setelah mempelajari cara .......................daripada emaknya, Azizah berusaha untuk menyiapkan tudung saji yang cantik untuk diberikan kepada Cikgu Zaleha. Apabila Hari Guru tiba, Azizah terlalu gembira untuk menyerahkan hadiah kepada cikgu kesayangannya. Setelah menyerahkan hadiah kepada Cikgu Zaleha, Azizah dikejutkan dengan tawaran oleh Cikgu Zaleha kepadanya mengenai satu pertandingan.

Setelah menerima tawaran tersebut, Azizah telah berusaha sedaya upayanya untuk menghasilkan pelbagai rekaan yang berkualiti dan menarik. Azizah telah berjaya memenangi ................................................................................. dan seterusnya ke peringkat negeri. Sehinggalah dia ahkirnya telah berjaya menambat hati juri dan hakim di peringkat kebangsaan. Hakikatnya usaha gigih dan kerajinan yang ditunjukkan Azizah adalah satu kejayaan terbesar Cikgu Azizah.

LIVEWORKSHEETS